



**JABATAN TENAGA MANUSIA  
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**

**NOTA PERBINCANGAN**

---

**Perbincangan Jawatankuasa Latihan EKSA JTM Bil.**

**1/2022**

<b>Tarikh</b>	:	<b>25 Februari 2022 (Jumaat)</b>
<b>Masa</b>	:	<b>3.00 petang</b>
<b>Tempat</b>	:	<b>Bilik Perbincangan KP JTM</b>
<b>Pengerusi</b>	:	Pn. Mazra Neesha binti Abdul Hussin
Setiausaha	:	En. Jesudian Arulraj a/l Chelliah
Ahli Mesyuarat	:	Pn. Nurul Azhariah binti Hassan @ Alias Pn. Nur Athiah binti Che Udin En. A. Rahmad bin Ngah Pn. Norliana binti Abu Bakar (Tidak Hadir)

**Objektif Perbincangan:**

1. Sesi perkenalan di antara Ahli Jawatankuasa Latihan yang terpilih mewakili setiap zon EKSA;
2. Melihat cadangan draf perancangan latihan yang telah disediakan oleh Pengerusi berdasarkan input/ keperluan yang telah dibangkitkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Induk EKSA, JTM; dan
3. Menetapkan dan menyelaraskan pelan tindakan atau gerak kerja yang perlu tindakan di peringkat semua Ahli Jawatankuasa Latihan EKSA.

## **Perkara Dibincangkan:**

### **1. Pengenalan Ahli Jawatankuasa Latihan EKSA**

- Mazra Neesha binti Abdul Hussin – Ketua JK Latihan EKSA (Induk)
- En. A. Rahmad bin Ngah – wakil Zon Zircon (Biru)
- Pn. Nurul Azhariah binti Hassan @ Alias – wakil Zon Diamond (Oren)
- Pn. Nur Athiah binti Che Udin – wakil Zon Amethyst (Ungu)
- En. Jesudian Arulraj a/l Chelliah – wakil Zon Ruby (Merah)
- Pn. Norliana binti Abu Bakar – wakil Zon Emerald (Hijau), Pegawai tidak dapat hadir ke sesi perbincangan kerana terlibat dengan arahan kuarantin Covid 19.

### **2. Pembentangan Cadangan Pelan Latihan EKSA**

- i) Terdapat sebanyak 5 siri latihan/ kursus yang dirancang dan dikendalikan oleh JK Latihan EKSA sebelum tarikh pengauditan EKSA oleh MAMPU yang dijangkakan pada akhir Oktober 2022;
- ii) Kursus yang dirancang ini akan dikendalikan dengan kaedah online atau hybrid mengikut kesesuaian serta kapasiti bilangan peserta;
- iii) Kursus-kursus yang perlu dikendalikan oleh JK Latihan EKSA adalah seperti berikut:
  - Kursus Pengenalan dan Pembudayaan EKSA – 2 siri
  - Lawatan Penandaarasan EKSA – 2 siri
  - Kursus JK Audit EKSA – 1 siri
- iv) Kos perbelanjaan bagi pengendalian kursus ini akan menggunakan peruntukan sedia ada Unit Latihan, PSM, JTM;
- vi) Penyediaan kertas kerja dan surat menyurat melibatkan kursus juga akan menggunakan rujukan fail kursus Unit Latihan, PSM, JTM;
- vii) Carta perbatuan terperinci pelan latihan adalah seperti di **Lampiran 1**.

### **3. Penghuraian Tugas**

Ahli mesyuarat juga telah dimaklumkan berkaitan skop tugas JK Latihan EKSA adalah seperti berikut:-

- i) mengenal pasti dan menguruskan pemilihan penceramah atau fasilitator yang bersesuaian dengan tajuk kursus yang dilaksanakan;
- ii) menyediakan kertas kerja lengkap untuk kelulusan pelaksanaan program;
- iii) menyelaraskan urusan surat jemputan, hebahan, persiapan dan keperluan lain kursus dengan Unit Latihan, PSM, JTM;
- iv) membantu Unit Latihan, PSM, JTM semasa hari pelaksanaan kursus; dan
- v) membantu dalam penyediaan laporan kursus yang telah dilaksanakan.

### **4. Pembahagian Tugas**

Ahli mesyuarat juga telah dibuat pembahagian tugas mengikut portfolio kursus seperti berikut:-

- i) En. A. Rahmad bin Ngah – Kursus Fasilitator dan JK Zon EKSA Bersama Champion
- ii) Pn. Nurul Azhariah binti Hassan @ Alias – Kursus Juruaudit Dalaman EkSA
- iii) Pn. Nur Athiah binti Che Udin – Lawatan Penandaarasan EKSA ke Siri 1
- iv) En. Jesudian Arulraj a/l Chelliah – Lawatan Penandaarasan EKSA ke Siri 2 dan Pengenalan EKSA Siri 2
- v) Pn. Norliana binti Abu Bakar – Pengenalan EKSA Siri 1

### **5. Hal-hal lain**

Semua ahli diminta untuk mengemukakan dokumen-dokumen yang disediakan kepada Pengerusi selaku Ketua JK Latihan EKSA untuk semakan dan penyelarasan dengan Unit Latihan, PSM JTM. Pengerusi memaklumkan bahawa

semua maklumat lanjut dan arahan selanjutnya adalah melalui *group whatsapp* bagi memudahkan mendapat maklumat terkini berkaitan dengan EKSA dengan cepat dan mudah. Ia juga sebagai langkah untuk memutuskan jangkitan covid dengan mengelakkan untuk berkumpul.

Perbincangan ditangguhkan pada jam 4.30 petang.

Disediakan oleh: **Jesudian Arulraj a/l Chelliah**

Tarikh: **26 Februari 2022**